

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
2020  
Kertas 1  
2 jam

Nama : .....

Tingkatan : .....

**MODUL KECEMERLANGAN SPM**

**FASA II**

**2020**

---

---

**PENDIDIKAN ISLAM**

**KERTAS 1**

**MASA : 2 JAM**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas modul ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 13.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 wajib dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.  
*Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada kertas jawapan di halaman 00.*
5. *Ceraikan kertas jawapan Bahagian A dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas modul ini mengandungi 12 halaman bercetak

---

[Lihat sebelah

## Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

### Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A,B,C, dan D**. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Berasa riak dan bangga diri
- Menunjuk-nunjuk kehebatan diri

1. Pernyataan di atas merujuk kepada contoh \_\_\_\_\_.  
A syirik  
B kufur  
C riddah  
D khurafat
2. Antara yang berikut yang manakah **bukan** rukun taubat?  
A Menginsafi balasan Allah SWT.  
B Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan.  
C Berhenti melakukan maksiat dengan segera.  
D Berazam tidak akan mengulangi lagi kesalahan.
3. Semua yang berikut ialah akibat perbuatan menipu **kecuali**  
A membatalkan iman.  
B dimurkai Allah SWT.  
C memutuskan silaturrahim.  
D tidak dipercayai oleh orang lain.

- Mendalami ilmu agama
- Banyak berzikir dan berfikir tentang kekuasaan Allah
- Rajin beribadat sunat seperti Qiamullail dan Tillawah al-Quran

4. Pernyataan di atas merujuk kepada  
A Ciri-ciri kewujudan iman  
B Syarat-syarat orang beriman  
C Ciri-ciri orang yang bertambah iman  
D Bukti iman bertambah dan berkurang

5. Antara yang berikut yang manakah kesan buruk mengamalkan ajaran sesat kepada individu?

- A Minda tertutup
- B Berlaku keganasan
- C Keruntuhan Institusi kekeluargaan
- D Hubungan silaturrahim terganggu

6. Ajaran \_\_\_\_\_ telah diasaskan oleh Hussin Ali al-Mazandarani.

- A. Syiah
- B. Bahai
- C. Taslim
- D. Qadyani

7. Berikut adalah rukun gadaian kecuali

- A Ijab dan Qabul
- B Barang gadaian
- C Pemegang gadaian
- D Penggadai menjelaskan hutang

- |                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Kematian salah seorang rakan kongsi.</li><li>• Rakan kongsi hilang kelayakan.</li><li>• Rakan kongsi lari ke luar negara.</li></ul> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

8. Pernyataan di atas mengakibatkan sesebuah syarikat

- A sah.
- B terbatal.
- C bankrap.
- D tamat kontrak.

- |                                                                                                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Riba</li><li>• Menipu</li><li>• Menyorok barang</li></ul> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|

9. Pernyataan di atas merujuk kepada perkara yang dilarang dalam urusan \_\_\_\_\_.

- A hutang piutang
- B gadaian
- C jual beli
- D sewa

10. “ Aku talakkan engkau dengan bayaran RM 1000”

Ungkapan di atas berkaitan dengan

- A Zihar
- B Taklik
- C Khuluk
- D Fasakh

11. Berikut merupakan implikasi sumpah lian terhadap suami dan isteri **kecuali**

- A Perkahwinan terbatal
- B Suami dilepaskan dari hukum Qazaf
- C Haram berkahwin semula buat selama-lamanya
- D Isteri berhak menuntut nafkah anak yang dinafikan nasabnya.

12. Isteri dalam idah kerana kematian suami dilarang melakukan perkara-perkara berikut kecuali

- A Berkahwin dengan lelaki lain
- B Berhias diri semasa berada di dalam dan diluar rumah
- C Menerima pinangan yang dilakukan secara terang
- D Keluar rumah kerana keperluan yang dibenarkan syarak

- |                                                                                                                                                             |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Ulama pertama yang menyusun kitab fekah.</li><li>• Menyelesaikan masalah fekah dengan kritis dan terbuka.</li></ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

13. Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan

- A Imam Malik rahimahullah.
- B Imam al-Syafie rahimahullah.
- C Imam Abu Hanifah rahimahullah.
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah.

14. Apakah cara penyebaran Islam pada Zaman khalifah Abu Bakar Al Siddiq ra.?

- A Membukukan al-Quran dalam satu naskhah
- B Mendaulatkan kerajaan Islam daripada golongan riddah
- C Memberi hadiah kepada penduduk tempatan yang memeluk Islam
- D Membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Turki dan Perancis

- Dilahirkan di Asad Abad.
- Meninggal dunia pada tahun 1314H
- Keturunannya bersambung dengan Imam al-Tarmizi.
- Pernah dilantik sebagai anggota Majlis Maarif di Istanbul

15. Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A al-Sayid Jamaludin al-Afghani
- B al-Sheikh Muhammad Abduh
- C al-Sheikh Tahir Jamaluddin
- D HAMKA

- Saudara kandung al Saffah
- Khalifah kedua kerajaan Bani Abbasiyah

16. Pernyataan di atas berkaitan dengan khalifah

- A Al Makmum
- B Al Mutawakkil
- C Harun al Rashid
- D Abu Jaafar al Mansur

17. Perkara berikut adalah dilarang ketika menziarahi jenazah **kecuali**

- A makan dan minum di rumah si mati.
- B tidak redha dengan takdir.
- C meraung dan meratap.
- D berbual-bual kosong.

18. Antara yang berikut, yang manakah perkara yang dilarang ketika berhias diri?

- A Berpakaian cantik dan berfesyen
- B Memakai pakaian menyerupai agama lain
- C Memakai pakaian bukan bertujuan berbangga diri
- D Memakai perhiasan yang tidak mendedahkan aurat

- Melawan dan menghapuskan keraguan yang ada dalam diri
- Menjauhkan diri dari menurut hawa nafsu

19. Pernyataan di atas merujuk kepada jihad

- A Memperbaiki diri
- B Melawan syaitan
- C Melawan munafik
- D Menghapuskan kemungkaran

20. Jihad dituntut dalam Islam kerana dapat \_\_\_\_\_.

- A meningkatkan ekonomi negara
- B menjauhi diri daripada sifat mazmumah
- C mendidik sifat jati diri yang tinggi
- D melahirkan masyarakat yang aman dan berkasih sayang

### Soalan 21 hingga Soalan 24


*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.*

Ditahan dan dikurung di dalam rumah dan mereka dipisahkan sehingga bertaubat atau meninggal dunia.

21. Pernyataan di atas merupakan hukuman ke atas kesalahan \_\_\_\_\_.

22. \_\_\_\_\_ ialah menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya yang boleh menimbulkan pergaduhan.

23. Hukuman hudud kepada peminum arak ialah \_\_\_\_\_ kali sebatan.



Berpegang dengan ulama Salafus Soleh

24 P dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

### Soalan 25 dan Soalan 26

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan.

Munafik

Syiah Zaidiah

Khawarij

Kafir

- 25 Beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufuran adalah pegangan kumpulan \_\_\_\_\_.
- 26 Antara pegangan kumpulan \_\_\_\_\_ ialah membataskan sumber syariah hanya kepada Al Quran sahaja.
- 27 Hukum menangguhkan hutang bagi orang yang berkemampuan ialah \_\_\_\_\_.
- 28 Encik Fahrul Radzi menyembelih seekor lembu pada 10 Zulhijjah bertujuan untuk beribadat kepada Allah SWT. Pernyataan di atas merujuk kepada ibadat \_\_\_\_\_.
- 29 Haji Qiran ialah mengerjakan umrah dan haji secara \_\_\_\_\_.


Soalan 30 dan Soalan 31, berdasarkan jadual di bawah.

Idah perceraian hidup		Idah perceraian kematian suami	
Status isteri	Tempoh Idah	Status isteri	Tempoh Idah
Telah putus haid	3 bulan	Telah putus haid	R
Tidak hamil	Q	Tidak hamil	4 bulan 10 hari

- 30 Q dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_.
- 31 R dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_.
- 32 Hukum khuluk adalah \_\_\_\_\_ bagi isteri yang berasa yakin tidak sesuai lagi hidup dengan suaminya dan bimbang akan derhaka terhadapnya.
- 33 Kitab al Musnad yang mengandungi 40000 hadis adalah hasil karya \_\_\_\_\_.
- 34 Selepas kewafatan Rasulullah SAW, khalifah Abu Bakar al-Siddiq memerangai golongan murtad, golongan enggan membayar zakat dan mengaku sebagai \_\_\_\_\_.

Tokoh S	
Tempat lahir	Tunisia
Jawatan	Ketua Hakim Negara di Mesir
Karya	Kitab al-Muqaddimah

- 35 Tokoh S dalam jadual di atas ialah \_\_\_\_\_.



36 T dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

**Soalan 35 hingga Soalan 37**

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berkaitan faedah rekreasi mengikut aspek yang disediakan dalam jadual di bawah.

Sosiologi	Biologi	Psikologi	Fisiologi
-----------	---------	-----------	-----------

37 Memupuk perpaduan dan semangat kerjasama. \_\_\_\_\_

38 Menguatkan stamina dan mengimbangi mental seseorang. \_\_\_\_\_

**Soalan 39 hingga Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

- Menjaga agama
- Berlaku adil
- Menyediakan keperluan asas

39 Pernyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab \_\_\_\_\_.



40 U dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.



## Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

1. (a) i. Apakah maksud dosa besar [ 2 markah ]  
ii. Jelas dua cara berbakti kepada ibubapa yang telah meninggal dunia [ 4 markah ]  
iii. Terangkan dua perbezaan antara mencuri dan merompak [ 4 markah ]

(b) Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah ialah jalan yang mengikut jejak langkah Rasulullah dan para sahabat baginda.

- i. Senaraikan dua prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah [ 2 markah ]  
ii. Jelaskan dua kesan buruk tidak berpegang dengan prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah [ 4 markah ]

Kerajaan mengambil berat dengan masalah orang islam yang terpengaruh dengan ajaran sesat seperti qaidiani dan taslim dengan mengadakan pemulihan akidah dan sebagainya

- iii. Berdasarkan pernyataan diatas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya permasalahan ini tidak dipandang serius oleh pihak berwajib. [ 4 markah ]

2. (a) i. Nyatakan maksud akikah [ 2 markah ]  
ii. Jelaskan dua perbezaan ibadat akikah dengan sembelihan [ 4 markah ]

“ Ibadat akikah boleh meningkatkan silaturrahim sesama umat islam “

- iii. Apakah pandangan anda mengenai pernyataan di atas. [ 4 markah ]

(b) Hutang merupakan satu muamalat dalam islam dan mempunyai beberapa hukum yang berbeza.

- i. Nyatakan hukum berhutang dan memberi hutang [ 2 markah ]  
ii. Terang akibat mencuaikan pembayaran hutang terhadap individu [ 2 markah ]

(c) Antara rukun nikah ialah wali.

- i. Senaraikan dua syarat wali [ 2 markah ]

- ii. Jelaskan dua jenis wali nikah [ 4 markah ]
3. (a) Khulafa ar rashidin telah melakukan beberapa pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara.
- i. Nyatakan dua pembaharuan yang dilakukan oleh Saidina Umar Al Khattab bagi menjaga kebajikan rakyatnya. [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan dua kesan positif daripada kepimpinan Khulafa Ar Rashidin [ 4 markah ]
- (b) i. Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Malik [ 2 markah ]
- ii. Senaraikan dua sifat mulia Imam Malik [ 2 markah ]
- iii. Jelaskan dua bukti yang menunjukkan Imam Malik amat memuliakan Rasulullah. [ 4 markah ]
- (c) Masyarakat umum mengetahui bahawa memberi hadiah boleh mengeratkan silaturrahim.
- i. Nyatakan hukum memberi hadiah berserta contohnya. [ 2 markah ]
- ii. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa hadiah mestilah sesuatu yang mahal.  
Kemukakan hujjah anda untuk menolak dakwaan tersebut. [ 4 markah ]
4. (a) Pada zaman Kerajaan Abbasiah, keadaan ekonomi negara pesat membangun.
- I. Nyatakan dua sumber ekonomi yang utama pada zaman tersebut. [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan dua keistimewaan Baghdad kepada kerajaan Abbasiah. [ 4 markah ]
- (b) Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh negarawan. Beliau disanjung oleh dunia dan masyarakat antarabangsa.
- i. Nyatakan nama buku karya beliau yang terkenal. [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan kesan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran islam. [ 2 markah ]
- (c) Amar ma'ruf nahi mungkar merupakan satu usaha dakwah yang penting.
- i. Apakah maksud Amar ma'ruf nahi mungkar [ 2 markah ]
- ii. Jelaskan dua cara berdakwah sebagaimana yang dianjurkan oleh islam [ 4 markah ]

Rasulullah SAW pernah dituduh sebagai ahli sihir, orang gila, pendusta dan dilontar batu sehingga berdarah. Namun Baginda tetap meneruskan dakwah hingga berjaya.

- iii. Berikan pandangan anda sebagaimana pendakwah masa kini boleh mengambil iktibar daripada setuasi di atas. [ 4 markah ]

### **KERTAS SOALAN TAMAT**

**JAWAPAN KERTAS 1 - OBJEKTIF & STRUKTUR**

ARAHAN : BULATKAN JAWAPAN YANG DIPILIH

NAMA : .....

KELAS : .....

1.	A	B	C	D
2.	A	B	C	D
3.	A	B	C	D
4.	A	B	C	D
5.	A	B	C	D
6.	A	B	C	D
7.	A	B	C	D
8.	A	B	C	D
9.	A	B	C	D
10.	A	B	C	D
11.	A	B	C	D
12.	A	B	C	D
13.	A	B	C	D
14.	A	B	C	D
15.	A	B	C	D
16.	A	B	C	D
17.	A	B	C	D
18.	A	B	C	D
19.	A	B	C	D
20.	A	B	C	D

- 21. ....
- 22. ....
- 23. ....
- 24. ....
- 25. ....
- 26. ....
- 27. ....
- 28. ....
- 29. ....
- 30. ....
- 31. ....
- 32. ....
- 33. ....
- 34. ....
- 35. ....
- 36. ....
- 37. ....
- 38. ....
- 39. ....
- 40. ....

MARKAH	
OBJEKTIF	
STRUKTUR	
SOALAN 1	
SOALAN 2	
SOALAN 3	
SOALAN 4	
<b>JUMLAH MARKAH</b>	

